

Headline	Pembukaan semula ekonomi pacu pertumbuhan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Color	Full Color
Page No	37	ArticleSize	270 cm ²
AdValue	RM 8,975	PR Value	RM 26,924



Pembukaan semula ekonomi pacu pertumbuhan

Pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dengan tiada lagi negeri berada di Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa hari ini menepati jangkaan berikutan kadar vaksinasi yang pantas di negara ini, sekali gus akan menyokong trajektori pertumbuhan ekonomi negara, demikian kata penganalisis.

Ahli Ekonomi MIDF Research, Abdul Mui'zz Morhalim, berkata pihaknya memang menjangkakan sekatan ke atas ekonomi daripada penguatkuasaan Fasa Satu PPN boleh dilonggarkan khususnya pada suku keempat berikutan perkembangan program vaksinasi yang memberangsangkan.

Beliau berkata, momentum ekonomi dijangka bertambah

baik dengan jangkaan pemulihan aktiviti perbelanjaan pengguna dan peningkatan aktiviti perniagaan dan pengeluaran.

"Ekonomi negara akan kembali memulih dan ini akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan isi rumah kerana permintaan buruh dan peluang pekerjaan dijangka turut meningkat," katanya kepada *BH*.

Dari segi pertumbuhan ekonomi, Abdul Mui'zz berkata, MIDF Research masih mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 4.6 peratus iaitu lebih baik berbanding unjuran rasmi tiga ke empat peratus bagi tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan peningkatan aktiviti perbelanjaan dalam negara

mampu menyokong pertumbuhan yang lebih baik bagi suku akhir tahun ini.

"Peningkatan perbelanjaan ini dijangka disokong permintaan mendadak, manakala aktiviti perdagangan dan eksport akan terus berkembang disokong peningkatan permintaan global," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata peralihan fasa yang seterusnya sudah pasti akan merancakkan lagi kegiatan ekonomi, sekali gus bakal menyumbang secara langsung kepada KDNK negara.

Beliau berkata, ia berikutan banyak aktiviti yang akan dibenarkan untuk berlaku terutama dari sudut pengoperasian perni-

gaan serta pergerakan manusia.

Katanya, sektor yang bakal mendapat limpahan utama adalah sektor berkaitan pelancongan, logistik, makanan dan minuman, perhotelan, hiburan dan sebagainya.

"Buat masa ini, pihak kami masih mengekalkan unjuran KDNK sebanyak 4.2 peratus bagi keseluruhan 2021. Oleh itu, sasaran kerajaan dilihat mungkin mudah untuk dicapai berikutan banyak negeri yang telah beralih fasa yang lebih lanjut," katanya.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, pula berkata peralihan fasa itu adalah tepat pada masanya dan dilakukan secara selamat dan berhati-hati.

Beliau berkata, ia menunjukkan bahawa PPN berada pada landasan yang tepat untuk mengeluarkan negara ke arah satu fasa baharu dalam menangani wabak COVID-19 ini, iaitu fasa endemik.

Katanya, pertumbuhan ekonomi pasti dapat dijana semula, apabila perniagaan dapat dibuka semula walaupun dalam kapasiti yang masih terhad.

"Pergerakan sosial juga dapat membantu meningkatkan aktiviti penggunaan swasta dan perbelanjaan domestik dapat ditingkatkan. Sektor yang begitu terjejas, seperti pelancongan, hospitaliti, perkhidmatan, serta industri tidak formal dan juga perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) akan dapat menarik nafas lega," katanya.